

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**DARIPADA : YB DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR
(KULIM BANDAR BAHARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.11.2017

YB DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR (KULIM BANDAR BAHARU) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah berjaya memberi satu gelombang perubahan dalam kempen membanteras rasuah dalam negara:

- (a) sejauh manakah Kerajaan melihat akan peranan dan cadangan penubuhan Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) ini dapat membantu SPRM untuk memperkasakan lagi usaha memerangi rasuah; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan kewujudan JITN ini dapat memacu SPRM sebagai sebuah badan penguatkuasa yang bebas dan lebih berintegriti.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, salah satu fokus utama Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) adalah merangka, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan dasar-dasar berhubung integriti dan tadbir urus negara. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, pengurusan integriti dan tadbir urus baik Kerajaan merangkumi aspek yang meluas dalam sistem pentadbiran Kerajaan yang mana, inisiatif anti-rasuah merupakan subset kepada aktiviti pengurusan integriti. Keseriusan Kerajaan dalam pembanteras rasuah akan terus disokong dan diteruskan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diperkenalkan sejak tahun 2009 yang merangkumi 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dimana NKRA Membanteras Rasuah merupakan salah satu daripada NKRA yang terlibat. GTP merupakan sebuah pelan transformasi yang dinamik dan NKRA Membanteras Rasuah bertujuan untuk menangani isu rasuah melalui inisiatif yang meluas untuk menangani masalah rasuah daripada atas ke bawah.

Antara inisiatif yang telah dikategorikan sebagai *big fast result* sepanjang GTP 1.0 (2010 – 2013) adalah penubuhan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, mempercepatkan perbicaraan kes rasuah dalam tempoh satu tahun, mewujudkan portal MyProcurement yang bertujuan untuk menunjukkan ketelusan Kerajaan dalam perolehan, pengwujudan *Integrity Pact* dalam perolehan kerajaan, mengurangkan karenah birokrasi dalam agensi penguatkuasa dan penubuhan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah yang hanya mengendalikan kes-kes jenayah rasuah. Semua inisiatif daripada GTP 1.0 telah dipertingkatkan serta dipantau

1

dengan lebih mendalam menerusi GTP 2.0 (2013 – 2015). Usaha diteruskan dengan lebih meluas di bawah NKRA Membanteras Rasuah di bawah aspirasi Rasuah Besar, yang mana kini SPRM sedang dalam proses memuktamadkan peruntukan Liabiliti Korporat untuk dimasukkan dalam Akta SPRM. Liabiliti Korporat merupakan satu peruntukan yang mewajibkan syarikat korporat bertanggungjawab penuh ke atas kakitangannya yang didakwa terlibat dengan jenayah rasuah. Selain itu, satu lagi inisiatif yang amat memberikan impak yang tinggi terhadap usaha Kerajaan dalam memerangi rasuah adalah dengan wujudnya satu mekanisme Pembiayaan Politik yang telus dan berintegriti. Mekanisme ini telah dipertanggungjawabkan kepada Institut Integriti Malaysia yang mana ianya bertujuan untuk mengenal pasti sumber atau dana yang disalurkan kepada parti politik dalam menjalankan kempen pilihan raya serta mengisytiharkan dana tersebut. Inisiatif-inisiatif ini dianggap satu hasrat besar Kerajaan dalam memerangi rasuah dan akan memberikan impak kejayaan yang amat tinggi kepada negara sekiranya ianya berjaya dilaksanakan dan menaikkan persepsi positif pelabur luar negara terhadap negara Malaysia.

Kerajaan juga telah meluaskan usahanya melalui pelbagai inisiatif lain sebagai kesinambungan daripada GTP ini yang bertujuan untuk menutup ruang dan peluang berlakunya jenayah rasuah terutamanya dalam sektor awam. Antaranya adalah dengan menubuhkan Unit Integriti di semua kementerian/jabatan/agensi di sektor kerajaan dan juga beberapa dalam sektor korporat. **Unit Integriti** adalah mekanisme kawalan dalaman agensi yang mana penubuhannya di **887 agensi awam** sejak 4 tahun lalu dilaksanakan secara berperingkat dan berperanan

8

sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua sektor dan merupakan usaha kawalan dalaman agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Unit Integriti ini berfungsi berlandaskan 6 fungsi teras, iaitu tadbir urus baik, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan aduan salah laku jenayah, pengurusan aduan, pematuhan terhadap undang-undang serta tata tertib. Pada masa ini, Unit Integriti ini adalah di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM dan pada ketika ini, CeLO yang terlatih dan yang telah ditauliahkan adalah **seramai 491 orang** dari pelbagai skim perjawatan. Pegawai-pegawai berkenaan bersedia membantu pengurusan Unit Integriti dalam memantapkan pengurusan integriti dan tadbir urus kementerian/jabatan/agensi masing-masing.

JITN akan terus berperanan memastikan inisiatif-inisiatif di bawah NKRA Membanteras Rasuah ini dilaksanakan berpandukan objektif yang telah ditetapkan. Hal ini dapat membantu SPRM untuk memperkasakan lagi usaha memerangi rasuah. JITN akan berfungsi sebagai peneraju inisiatif pemeraksanaan integriti dan tadbir urus negara secara lebih holistik melalui pengukuhan integriti dan tadbir urus serta bidang hak asasi manusia dalam sektor awam dan swasta. Peranan ini dilihat sebagai satu mekanisme yang terbaik untuk menjadikan JITN ini sebagai *focal point* terhadap pengurusan isu-isu pencegahan rasuah, integriti dan tadbir urus negara di samping membantu agensi-agensi yang terlibat secara langsung dalam pembanterasan rasuah.

Sekian, terima kasih.